

92

SOALAN NO: 336

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH :
SOALAN : 336**

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik wabak denggi di seluruh negara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan lokaliti wabak denggi yang dilaporkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 1,417 dan menunjukkan tren menunjukkan peningkatan sehingga 2015 di mana sebanyak 7,547 lokaliti wabak telah dilaporkan. Namun pada tahun 2016 lokaliti wabak berkurang kepada 6,860. Manakala bagi tahun 2017 iaitu dari Januari hingga 15 Oktober 2017 terdapat 5,529 lokaliti wabak. Antara faktor yang mempengaruhi kenaikan bilangan lokaliti wabak adalah urbanisasi dan kewujudan taman-taman perumahan yang baru.

Pada keseluruhannya kes Denggi yang dilaporkan juga menunjukkan penurunan bermula dari 2016 sehingga Oktober 2017. Bagi Januari hingga 15 Oktober 2017, sejumlah 72,782 kes dengan 159 kematian telah dilaporkan berbanding dengan 86,428 kes dengan 193 kematian bagi tempoh sama tahun 2016. Ini menunjukkan penurunan kes sebanyak 15.8% dan kematian 17.6% tahun ini.